

06/11/1999

Larian bukti sokongan rakyat kepada negara

KUALA LUMPUR, Jumaat - Acara 'Berjalan Untuk Negara' yang akan diadakan serentak di seluruh negara pagi esok adalah mesej paling jelas kepada negara Asia dan Majlis Olimpik Asia (OCA) mengenai kesungguhan dan kesepakatan kerajaan Malaysia serta rakyatnya untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata larian itu membuktikan kejituan dan kekentalan semangat segenap lapisan rakyat yang sentiasa menyokong usaha kerajaan termasuk menganjurkan temasya sukan terunggul di Asia itu.

Esok, acara itu akan dirasmikan serentak oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Taman Tasik Titiwangsa, jam 8 pagi.

Serentak itu, kira-kira dua juta rakyat Malaysia di 116 daerah seluruh negara akan menyertai acara berkenaan. Acara di 293 lokasi itu membabitkan laluan antara dua hingga empat kilometer.

Sebelum ini, rakyat di seluruh negara menunjukkan sokongan padu melalui Larian Obor bagi menjayakan Kuala Lumpur 98 - Sukan Komanwel XVI.

Sukan Asia adalah temasya sukan terunggul di benua ini yang dianjurkan empat tahun sekali. Temasya terakhir berlangsung di Bangkok, Thailand pada 1998 dan Fusan, Korea Selatan dipilih sebagai tuan rumah Sukan Asia 2002.

Muhyiddin berkata, kesungguhan dan keupayaan negara serta rakyatnya untuk menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 turut bersandarkan kepada semangat 'Malaysia Boleh'.

"Penyertaan segenap lapisan masyarakat terhadap acara itu sebagai simbolik sokongan padu terhadap penawaran menjadi tuan rumah Sukan Asia 2006 itu adalah satu catatan bersejarah bagi negara," katanya kepada Berita Harian, hari ini.

Beliau berkata, setakat hari ini, hampir 1.8 juta orang sudah mendaftar untuk menyertai acara Berjalan Untuk Negara berbanding 1.6 juta semalam.

Matlamat untuk mendapatkan penyertaan sehingga dua juta orang dijangka tercapai kerana masih ramai dijangka mendaftar esok.

Penyertaan acara itu mengikut negeri boleh dilihat melalui rajah yang disediakan.

(END)